

08 FEB 1997

KANAK-KANAK BOSNIA BUAT KAD RAYA UNTUK PM

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Seramai 19 kanak-kanak Bosnia Herzegovina telah bertungkus lumus mencipta kad-kad raya Aidilfitri berukuran kadbod untuk disampaikan kepada Perdana Menteri Datu Seri Dr Mahathir MOhamad esok sebagai tanda penghargaan dan kasih sayang kepada beliau.

Kanak-kanak itu yang berusia antara 2 hingga 16 tahun berserta dengan keluarga mereka telah berkumpul di Surau-Al-Vaquen, Pangsapuri PKNS, Seri Kembangan, Serdang, hari ini untuk membuat kad-kad raya itu.

Esok mereka akan mengunjungi majlis rumah terbuka di Seri Perdana untuk menyampaikan kad-kada raya itu kepada Perdana Menteri. Mereka akan diiringi oleh empat pelajar teknologi maklumat dari Kumpulan Kolej SAL Malaysia yang menajakan program itu bersama dengan Majlis perniagaan Malaysia-Bosnia.

Kanak-kanak itu ialah dari 23 keluarga yang datang tinggal di Malaysia setelah kehilangan kampung halaman dalam perang saudara di negara mereka. Mereka telah berada di sini sejak dua tahun lepas.

Dalam acara hari ini Kumpulan Kolej SAL juga telah menyampaikan baju raya dan duit raya RM15 kepada setiap kanak-kanak itu dan RM100 kepada setiap keluarga mereka. -- BERNAMA

JA WAT